



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

P.U. (A) 190/2008

**PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN)
(PINDAAN) 2007**

Tarikh Penyiaran:

09 Jun 2008

Tarikh mula berkuatkuasa :

01 Disember 2007

PEMBETULAN

Dalam P.U. (A) 395 yang disiarkan pada 1 Disember 2007—

1. Dalam teks bahasa kebangsaan—

(a) dalam Jadual G—

- (i) dalam subperenggan 10(1)(a)(i), gantikan perkataan “seolah-oleh” dengan perkataan “seolah-olah”;
- (ii) dalam subfasal 18(2), gantikan perkataan “amuan” yang terdapat sebelum perkataan “sumbangan yang kena dibayar” dengan perkataan “amaun”;
- (iii) dalam Jadual Pertama, gantikan perkataan “Susur Atur” di mana-mana juga terdapat dalam Jadual tersebut dengan perkataan “Susun Atur”;
- (iv) dalam Jadual Kedua, gantikan perkataan “*5..” dengan perkataan “*5.”; dan
- (v) dalam Jadual Ketiga—

(A) gantikan perkataan “*Ansuran-ansuran yang kena dibayar*” yang terdapat selepas perkataan “Jadual Pembayaran Harga Beli” dengan perkataan “*Ansuran-ansuran Yang Kena Dibayar*”; dan

(B) gantikan perkataan “*Ansuran-ansuran yang kena dibayar*” yang terdapat selepas butiran 4 dengan perkataan “*Ansuran-ansuran Yang Kena Dibayar*”;

(b) dalam Jadual H—

(i) dalam fasal 20, gantikan perkataan “(2)” yang terdapat sebelum perkataan “Premium insurans yang kena dibayar hendaklah dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari” dengan perkataan “(3)”;

(ii) dalam subfasal 29(2), gantikan perkataan “dan dan” yang terdapat sebelum perkataan “Pembeli boleh memotong kos itu” dengan perkataan “dan”;

(iii) dalam Jadual Ketiga—

(A) gantikan perkataan “*Ansuran-ansuran yang kena dibayar*” yang terdapat selepas perkataan “Jadual Pembayaran Harga Beli” dengan perkataan “*Ansuran-ansuran Yang Kena Dibayar*”;

(B) dalam subbutiran 2(a), gantikan perkataan “dam” yang terdapat sebelum perkataan “kerja-kerja asas” dengan perkataan “dan”;

(C) dalam butiran 4, gantikan—

(1) perkataan “bertulus” yang terdapat selepas perkataan “Pembeli menerima pengesahan” dengan perkataan “bertulis”; dan

(2) perkataan “*Tuanpunya/Penjual” yang terdapat sebelum perkataan “mengemukakan kepada dan penerimaan” dengan perkataan “*Tuan punya/Penjual”; dan

(iv) selepas Jadual Kelima, gantikan perkataan “di atas dalam kehadiran” di mana-mana jua terdapat selepas perkataan “PADA menyaksikan hal di atas pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun mula-mula bertulis di atas.” dengan perkataan “di atas di hadapan”;

(c) dalam Jadual I—

(i) dalam Jadual Pertama, gantikan perkataan “Susur Atur” di mana-mana jua terdapat dalam Jadual tersebut dengan perkataan “Susun Atur”; dan

(ii) dalam Jadual Ketiga, gantikan perkataan “*Ansuran-ansuran yang kena dibayar*” yang terdapat selepas perkataan “Jadual pembayaran harga beli” dengan perkataan “*Ansuran-ansuran Yang Kena Dibayar*”; dan

(d) dalam Jadual J—

(i) dalam subfasal 18(6), gantikan perkataan “perlantikan” yang terdapat sebelum perkataan “yang sedemikian kepada Pembeli” dengan perkataan “pelantikan”;

(ii) dalam subfasal 20(1), gantikan perkataan “menginsurankan” yang terdapat sebelum perkataan “dan sentiasa menginsuranskan” dengan perkataan “menginsuranskan”;

(iii) dalam fasal 36, dalam nota bahu, gantikan perkataan “Orang-orang” dengan perkataan “Orang”; dan

(iv) dalam Jadual Ketiga, dalam butiran 1, gantikan perkataan “Sebaik selepas” dengan perkataan “Serta-merta apabila”.

2. Dalam teks bahasa Inggeris—

(a) dalam Jadual G, dalam Jadual Ketiga, dalam subbutiran 4(a), gantikan perkataan “*Proprietor Vendor” dengan perkataan “*Proprietor/Vendor”;

(b) dalam Jadual H—

- (i) dalam subfasal 20(2), masukkan perkataan “land surveyor.” selepas perkataan “Vendor’s licensed”;
- (ii) dalam Jadual Ketiga, dalam butiran 5, gantikan perkataan “5” yang terdapat sebelum perkataan “On the date the Purchaser” dengan perkataan “5.”; dan
- (iii) dalam Jadual Keempat, dalam butiran “Note:”, gantikan perkataan “*which” dengan perkataan “*which”;

(c) dalam Jadual I—

- (i) dalam Mukadimah, dalam perenggan pertama, gantikan perkataan “sellk” yang terdapat selepas perkataan “as a housing development and to” dengan perkataan “sell the said Land.”; dan
- (ii) dalam fasal 7, masukkan selepas perkataan “notified in writing” perkataan “either before or within fourteen (14) days after the action, suit or proceeding against the *Proprietor and/or Vendor or any such other person has been filed before any court or tribunal”; dan

(d) dalam Jadual J—

- (i) dalam perenggan 4(2)(b), gantikan perkataan “of the of the” yang terdapat sebelum perkataan “said Parcel, the walls of the said Parcel” dengan perkataan “of the”; dan
- (ii) dalam subfasal 29(2), gantikan perkataan “Provided” di mana-mana juga terdapat dalam subfasal tersebut dengan perkataan “provided”.

[KPKT (S)01/704/86; PN(PU²)31/XIII]